

CNS5960

R GB 06-12 001.35 BH309

b a h

Mahathir

SEKTOR SWASTA D A N AWAM PERLU BEKERJASAMA UNTUK MEMAJUKAN NEGARA

1

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa sektor awam dan swasta bekerj asama untuk membangunkan negara.

Katanya kerajaan merasakan terdapa t kebenaran dal am ide supaya sektor awam bekerjasama dengan sektor swasta dan tidak sebaliknya.

+Kerjasama antara kedua-dua sektor telah membantukemajuan yang dicapai oleh Malaysia dalam beberapa tahun lalu ,+ kata beliau pada makan malam Sukan Persyarikatan Malaysia 1992 di sini.

Katanya ia memang ide yang baik bagi kedua-dua sektor bekerjasama dan Ketua Setiausaha Negara telah membuat senarai yang panjang mengenai perkara yang boleh dilakukan dan tidak dilakukan berhubung Persyarikatan Malaysia.

Beliau menggesa kedua-dua sektor tidak mengeruhkan hubungan baik yang membawa keuntungan kepada negara.-- Lagi

▼06/12/23-30MST

CNS5962

R GB 06-12 00098 BH310

bah

Mahathir 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Sebelum itu, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata beliau telah menyerahkan Unit Pemodenan Tadbiran Perancangan dan Tenaga Manusia (MAMPU) menyediakan buku mengenai undang-undang dan peraturan berhubung Persyarikatan Malaysia.

Katanya buku itu juga akan memberi sinopsis mengenai dasar, undang-undang dan peraturan berhubung sektor awam.

Dr Mahathir kemudian menyampaikan hadiah kepada sektor swasta yang memenangi kedua-dua acara yang dipertandingkan iaitu golf dan tenis.

Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali turut hadir di majlis itu. -- Bernama

▼06/12/23-42MST